



Kedah
Malaysia
where it all began

كردان نكسر قك بذا الامتبان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010

Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910

04-774 4643/ 04-733 8717

E-mail : pbnk@kedah.gov.my

Ruj Kami : PPNK.BN.400/3/15(9)

Tarikh : 08 Syaaban 1441H

02 April 2020

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YB Dato' Paduka / YB Dato'/YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

**PENANGGUHAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN KENAIKAN KADAR BANTUAN
SARA HIDUP (COLA) MELALUI MODUL GAJI SISTEM i-SPEKS**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat pentadbiran ini bertarikh 12 Mac 2020 (Ruj Kami : PPNK.BN.400/3/15(7)) DAN 26 Mac 2020 (Ruj Kami : PPNK.BN.400/3/15(8)) adalah berkaitan.

2. Memandangkan Pelaksanaan Pembayaran Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup (COLA) akan melibatkan semua Jabatan/Pusat Tanggungjawab (PTJ) negeri. Berikutan sekatan pergerakan, ianya akan melewati proses penyediaan gaji bagi bulan April yang perlu diselesaikan pada 15 April 2020 seperti yang telah dijadualkan.

3. Untuk makluman YB Dato' Paduka / YB Dato'/YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan, Pejabat Perbendaharaan Negeri perlu menyiapkan semua proses penyediaan gaji bagi bulan April selewat-lewatnya pada 15 April 2020 bagi membolehkan gaji bulan April dikreditkan pada tarikh yang telah ditetapkan.

4. Pelaksanaan Pembayaran Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup (COLA) dijangkakan akan dilaksanakan pada bulan Jun 2020 dan akan dimaklumkan melalui Surat Arahan Operasi yang akan dikeluarkan kelak.

5. Sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara ini bolehlah menghubungi Unit Gaji Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah.


Kerjasama dan perhatian YB Dato' Paduka/ YB Dato'/YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.



Sekian terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
‘KEDAH AMAN MAKMUR-HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH’**

Saya yang menjalankan amanah,



(NAZHATUN BT MD.REJAB, AMK., (C.A.M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman

s.k. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah